



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KOLEKSI ARKEOLOGI DI MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, MERBOK, KEDAH**

MUHAMAD SAHIDAN BIN HASHIM

33915

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014**

**PENGURUSAN KOLEKSI ARKEOLOGI DI MUZIUM ARKEOLOGI, LEMBAH
BUJANG, MERBOK, KEDAH**

MUHAMAD SAHIDAN BIN HASHIM

33915

**Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the20.....day of.....Jun.....2014.

Student's Declaration:

I **MUHAMAD SAHIDAN BIN HASHIM, 33915, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**.....

----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare
that the work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI ARKEOLOGI DI MUZIUM ARKEOLOGI
LEMBAH BUJANG, MERBOK, KEDAH**..... is my original work. I have not copied from any other
students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is
made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20 Jun 2014

Date submitted

Muhamad Sahidan Bin Hashim (33915)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I **En. Alexander Anak Chelum**..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that
the work entitled **PENGURUSAN KOLEKSI ARKEOLOGI DI MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH
BUJANG, MERBOK, KEDAH**..... was prepared by the above named student, and was submitted
to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of **BACHELOR
OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**..... and the aforementioned work,
to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **En. Alexander Anak Chelum** Date: 20 Jun 2014
(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(20 Jun 2014)

Supervisor signature: _____
(20 Jun 2014)

Current Address:

Lot 111 Permatang Berangan, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGESAHAN

Projek Tahun Akhir bertajuk “ **Pengurusan Koleksi Arkeologi di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah** ” telah disediakan oleh **Muhamad Sahidan Bin Hashim** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(En. Alexander Anak Chelum)

Tarikh:

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tiada bahagian dalam penyelidikan ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kedudukan sama ada kepada universiti ini atau insititusi pengajian tinggi yang lain. Ini adalah merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali ada sesetengah maklumat yang telah saya petik dari buku rujukan mahupun petikan maklumat dari sumber lain seperti internet. Saya telah mengolah maklumat tersebut dan saya juga telah nyatakan sumbernya.

(MUHAMAD SAHIDAN BIN HASHIM: 33915)

PROGRAM: PENGURUSAN SENI (WA59)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK)

Universiti Malaysia Sarawak.

Tarikh: 20 Jun 2014

PENGHARGAAN

Alhamdulilah, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kepada TUHAN dengan limpah kurnianya telah memberi kekuatan kepada saya untuk lebih teguh dan sabar dalam menempuh segala dugaan dan cabaran bagi menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang telah banyak memberi kata semangat, dorongan dan nasihat kepada saya untuk meneruskan penyelidikan dan penulisan bagi menyiapkan Projek Tahun Akhir saya ini. Berkat doa mereka amat saya sanjungi dan amat saya hormati. Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Penyelia saya iaitu En Alexander Anak Chelum kerana memberi tunjuk ajar dalam membimbing saya menyiapkan penulisan kajian ini. Saya juga amat terhutang budi kepada pihak Muzium Arkeologi Lembah Bujang iaitu informan saya yang telah bekerjasama dengan baik dengan saya dalam menyalurkan maklumat dalam kajian saya ini. Akhir sekali, saya ingin menggalungkan penghargaan kepada rakan rakan seperjuangan yang banyak memberi pandangan, teguran dan nasihat dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Sekian, terima kasih.

Muhamad Sahidan Bin Hashim: 33915

Pelajar Program Pengurusan Seni

Fakulti Seni Gunaaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

ABSTRAK

Kajian diskriptif ini mengkaji aspek pengurusan koleksi arkeologi yang mana telah dijalankan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok, Kedah. Objektif kajian penulisan yang diketengahkan dan ingin dicapai dalam kajian ini adalah mendokumenkan apa yang terdapat di muzium, mengenalpasti fungsi unit pengurusan koleksi arkeologi muzium, serta ingin mengetahui keberkesanan pengurusan koleksi yang dilakukan sebelumnya. Pendekatan yang digunakan didalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Kaedah kajian penulisan didalam kajian ini menghuraikan secara terperinci hasil kajian yang telah diperolehi. Dengan menggunakan data primer yang diperolehi melalui temubual ke atas 2 orang informan iaitu penolong kurator muzium dan pembantu kanan muzium, maklumat yang diperolehi direkodkan dan dicatat dalam bentuk penulisan ilmiah. Data Sekunder turut dimuatkan oleh pengkaji dengan merujuk kepada kajian pengkaji lepas. Selain itu, tinjauan lapangan turut dilakukan di lokasi kajian iaitu di kawasan Lembah Bujang dan Merbok, suatu analisis data disusun dan diuraikan ke dalam bentuk penulisan untuk mengetahui pengurusan koleksi arkeologi di Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Daripada dapatan antara cadangan untuk memperbaiki keberkesanan pengurusan koleksi di Muzium Lembah Bujang dalam menguruskan koleksi arkeologi ialah dengan menggunakan sistem teknologi media elektronik. Penggunaan medium ini dapat menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan dan sistematik sekiranya kaedah pendokumentasian elektronik dilaksanakan membolehkan pengunjung berinteraksi dengan maklumat arkeologi. Oleh itu, kajian ini memberikan cadangan serta penambahbaikan kepada muzium yang dianggap relevan sebagai rujukan dan rundingan untuk kajian pengkaji seterusnya.

ABSTRACT

This descriptive study examines aspects of the archaeological collection, which was conducted in the Bujang Valley Archaeological Museum in Merbok, Kedah. The objective featured writing and want to achieve in this study is to document what is available in the museum, to identify functional units archaeological museum collection management, as well as to determine the effectiveness of collection management done previously. The approach used in this study is a qualitative approach. The methodology for the study of writing describes in detail the results which have been obtained. By using primary data obtained through interviews over 2 informants, assistant curator of the museum and the museum aide, and the information obtained is recorded in the record in the form of academic writing. Secondary data was loaded by researchers in the past to refer to the study researchers. In addition, field surveys were undertaken at the study site in the Bujang Valley and Merbok, an analysis of data compiled and described in written form to find out the management of archaeological collections in the Bujang Valley Archaeological Museum. The findings of recommendations to improve the effectiveness of collection management in the Bujang Valley Museum in managing archaeological collections is to use a system of electronic media technology. The use of this medium to convey information more effectively and systematically if implemented method of electronic documentation allows visitors to interact with the archaeological information. Thus, this study provides recommendations and improvements to the museum are considered relevant as a reference and consultation to researchers study next .

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Halaman Bertajuk	i
Borang Pengesahan Penulisan Tesis	ii, iii
Pengesahan Penyelia	iv
Pengakuan	v
Penghargaan	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
Isi Kandungan	ix, x, xi, xii, xiii
Senarai Lampiran	xiv
Senarai Rajah	xiv
Senarai Borang	xiv
Senarai Gambar	xv, xv
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan Bab	1
1.2 Latar Belakang Muzium Arkeologi Lembah Bujang	2
1.2.1 Pentadbiran Muzium Arkeologi Lembah Bujang	3
1.2.2 Fungsi Muzium Arkeologi Lembah Bujang	4
1.2.3 Sejarah Pengkajian Arkeologi di Lembah Bujang	4
1.3 Pemasalahan Kajian	5

1.4 Hipotesis Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.7.1 Kepentingan Kepada Masyarakat	7
1.7.2 Kepentingan Kepada Pengkaji	8
1.7.3 Kepentingan Kepada Muzium	8
1.8 Skop Kajian	9
1.8.1 Bahagian Pengurusan Koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang	9
1.8.2 Perolehan dan Pengurusan Koleksi	9
1.8.3 Pihak Pengurusan Muzium Arkeologi, Lembah Bujang,	10
1.8.4 Pengunjung Muzium Arkeologi Lembah Bujang	10
1.9 Lokasi Kajian	11
1.10 Batasan Kajian	12
1.11 Sistem Penyampaian Kajian	13
BAB 2 : SOROTAN KESUSASTERAAN	
2.1 Pengenalan	14
2.1.1 Definisi Muzium	14
2.1.2 Definisi Arkeologi	15
2.2 Definisi Pengurusan	16
2.2.1 Proses Pengurusan	17
2.2.2 Peranan Pengurusan di dalam Muzium	17

2.3 Definisi Koleksi	18
2.3.1 Peranan Pihak Muzium di dalam Menguruskan Koleksi	19
2.3.2 Permuziuman dan Pembelajaran	20
2.3.3 Proses dan Prosedur Perolehan Koleksi	21
2.3.4 Proses Pengurusan Pendaftaran dan Pemeliharaan Koleksi	22
2.3.4 Pengurusan Koleksi dan Pengumpulan Koleksi	22-23
2.3.5 Kaedah Perolehan dan Pengurusan Pengumpulan Koleksi	24
2.3.6 Matlamat dan Polisi Pengurusan Muzium	25
2.4 Kesimpulan	26
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	27
3.2 Sumber Data	27
3.2.1 Data Primer	28
3.2.2 Data Sekunder	28
3.3 Kaedah Kajian	29
3.4 Kaedah Kualitatif	29
3.5 Pengumpulan Data	30
3.5.1 Temubual	30
3.5.2 Pemerhatian	31
3.5.3 Dokumentasian Lapangan	31
3.5.4 Fotografi	32
3.6 Instrumen Kajian	33

3.7 Kesimpulan	34
BAB 4 ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	35
4.1.1 Koleksi	35
4.1.2 Galeri	36
4.2 Pengurusan Koleksi	36
4.3 Penjagaan Koleksi Arkeologi Muzium Lembah Bujang	37
4.4 Proses Perolehan Koleksi Arkeologi	38-40
4.5 Proses Pengurusan Pendaftaran Koleksi Artifak	41
4.5.1 Analisa Temuramah Unit Pengurusan Koleksi Arkeologi (Inventori dan Pengurusan Pendaftaran Koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang)	42
4.5.2 Sistem Inventori	43
4.5.3 Pendaftaran Artifak Koleksi Arkeologi	44
4.5.4 Sistem Penyimpanan Data Koleksi Arkeologi Muzium Arkeologi Lembah Bujang	45-48
4.6 Analisis Temuramah Unit Pengurusan Koleksi (Penstoran, Penyimpanan dan Konservasi Muzium Arkeologi Lembah Bujang)	49-50
4.6.1 Penstoran dan Penyimpanan Koleksi Arkeologi	51-52
4.6.2 Penstoran terbuka	53
4.6.3 Penstoran Tertutup	53-54
4.7 Konservasi Koleksi	55-56
4.8 Pengurusan Koleksi di balai pameran utama dan di balai pameran kedua	57

4.8.1 Pameran Tetap	57-58
4.8.2 Koleksi di Balai Pameran Utama	59-60
4.8.4 Antara Koleksi Arkeologi bahan- bahan jumpaan di Candi- Candi	61-62
4.8.5 Inskripsi	63
4.8.6 Koleksi di Balai Pameran Kedua	63
4.8 Keberkesanan Pengurusan Koleksi Arkeologi di Muzium Arkeologi Lembah Bujang	64-66
4.8.1 Kesimpulan	67
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	68
5.2 Cadangan Kajian	68
5.2.1 Meningkatkan mutu perkhidmatan	68
5.2.2 Membuat penambahbaikan pada sudut koleksi pameran	69
5.2.3 Menjalinkan hubungan kerjasama dengan media massa	69
5.3 Cadangan untuk pengkaji akan datang	70
5.3.1 Memperbanyak lagi penglibatan para pengkaji	70
5.3.2 Mengkaji dari sudut kekuatan dan kelemahan Muzium Arkeologi Lembah Bujang	71
5.4 Kesimpulan	71-72
RUJUKAN	73-77
LAMPIRAN	78-93

SENARAI LAMPIRAN**MUKA SURAT**

Lampiran A: Maklumat Informan dan Soalan Temubual	78-79
Lampiran B : Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah.	80
Lampiran C: Susun Atur Koleksi Arkeologi	81
Lampiran D : Laluan untuk melihat Koleksi Candi	82
Lampiran E : Koleksi Candi	83-84
Lampiran F: Borang- Borang Pengurusan Koleksi Arkeologi	85-90
Lampiran G: Pelan Pameran Muzium Arkeologi Lembah	91
Lampiran H: Peta Lembah Bujang, Merbok, Kedah	92
Lampiran I: Brochure Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah	93

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Aliran Perolehan Koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang	38
Rajah 2: Aliran Proses Penyimpanan Koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang	55

SENARAI BORANG

Borang 1: Borang Penilaian Perolehan	85
Borang 2: Borang Penilaian Perolehan	86

Borang 3: Borang Peminjaman Artifak	87
Borang 4: Borang Perolehan Tapak	88
Borang 5: Borang Perolehan Dalam Galeri	89
Borang 6: Borang Daftar Temuan Artifak Arkeologi	90

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Peta Negeri Kedah	11
Gambar 2: Peta Lokasi Kajian di Lembah Bujang, Merbok Kedah, Malaysia	11
Gambar 3: Gambar informan Puan Azlida Binti Ghozali	42
Gambar 4: Contoh Rekod Bahan-Bahan Arkeologi	45
Gambar 5: Borang Daftar Temuan Artifak Pada Tahun 2007	46
Gambar 6: Contoh Buku Rekod Pendaftaran	47
Gambar 7: Gambar Informan Tuan Hj. Ahmad Subri Bin Hassan	49
Gambar 8: Contoh Penyimpanan Sistem Tetingkat Artifak Koleksi Arkeologi	51
Gambar 9: Sistem Mudah Alih yang menggunakan Laci Beroda	52
Gambar 10: Maklumat Artifak Arkeologi yang disimpan di dalam stor	53
Gambar 11: Contoh penggunaan bekas penyimpanan artifak di dalam stor	54
Gambar 12: Pelan Kedudukan Balai Pameran Muzium Arkeologi Lembah Bujang	58
Gambar 13: Pandangan hadapan Muzium Arkeologi Lembah Bujang	80
Gambar 14: Batu Tanda Muzium	80
Gambar 15: Arca Batu Tembikar Tanah	80
Gambar 16: Koleksi di dalam Peti Kaca	81
Gambar 17: Jenis Tembikar Tanah	81
Gambar 18: Pelapik Tiang	81

Gambar 19: Tembikar Tanah	81
Gambar 20: Penunjuk arah untuk melihat Candi di luar Muzium	82
Gambar 21: Laluan Tangga untuk melihat Candi di atas Bukit Batu Pahat	82
Gambar 22: Candi Pengkalan Bujang	83
Gambar 23: Candi Pendiat	83
Gambar 24: Candi Bendang Dalam	83
Gambar 25: Papan Tanda Candi Bukit Batu Pahat	84
Gambar 26: Candi Bukit Batu Pahat (Candi Induk)	84

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Bab

Bab 1 merupakan bab yang menjelaskan tentang bahagian pengenalan dalam penyelidikan yang dilakukan berkaitan objek dan subjek kajian. Bab ini membincangkan latar belakang kajian, pemasalahan kajian yang dilihat membuatkan pengkaji menetapkan beberapa objektif kajian dan soalan kajian yang timbul untuk dikaji. Dalam bab 1 ini juga pengkaji akan mengenalpasti kepentingan kajian kepada beberapa pihak yang berkaitan secara langsung dengan Muzium. Selain itu, bab ini juga pengkaji akan menjelaskan tentang skop kajian, lokasi kajian, hipotesis kajian, serta batasan kajian yang bakal dihadapi dalam membuat kajian. Subjek yang dikaji ialah mengenai Pengurusan Koleksi Arkeologi manakala objek ialah Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok, Kedah.

Pengurusan sesebuah muzium adalah berpandukan kepada dasar-dasar yang ditetapkan dan digerakan di atas landasan struktur organisasi yang serasi dan selari dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Kaedah dan konsep konservasi merupakan aspek pengurusan yang terpenting dalam pengendalian pengurusan koleksi muzium. Kewujudan muzium sebagai khazanah penyimpanan warisan negara tidak akan menjadi realiti tanpa himpunan koleksi artifak. Koleksi juga memberikan identiti dan populariti sesebuah muzium. Reputasi sesebuah muzium itu banyak bergantung kepada kepentingan koleksi yang dimilikinya dan kaedah-kaedah yang digunakan untuk memanfaatkan kepada umum. Koleksi yang dihimpunkan oleh pihak sesebuah muzium adalah untuk tujuan keseronokan dan kesedaran melalui pendidikan, sebagai rekod kepada masa lampau dan perbezaan budaya (Keene: 1996).

Bidang pengkaji ini merupakan suatu inisiatif untuk menentukan bahawa muzium sebagai suatu sumber untuk penghayatan. Untuk mencapai ini adalah wajar ditinjau akan pengurusan koleksi arkeologi yang terdapat di dalam Muzium.

1.2 Latar Belakang Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Menurut Adi Haji Taha (1991), nama Lembah Bujang mula digunakan secara meluas semenjak tahun 1970-an sehingga Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Negara) membataskan wilayahnya kepada 144 batu persegi dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian utara, batasan Sungai Muda di Selatan, Selat Melaka di bahagian Timur dan Lebuhraya Utara-Selatan di bahagian Barat. Muzium Arkeologi Lembah Bujang merupakan satu-satunya Muzium di Malaysia yang mempamerkan koleksi arkeologi yang membuktikan kewujudkan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu Buddha di Asia Tenggara kurun ke 3 masehi hingga ke 12 masehi.

Muzium ini terletak di atas Bukit Batu Pahat, Merbok, Kedah kira 23 km dari Bandar Sungai Petani dibina untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan ekskavasi arkeologi serta mempamerkan artifak-artifak protosejarah atau sejarah sebelum Islam dari tapak tanah bersejarah di Lembah Bujang. Muzium Arkeologi Lembah Bujang telah dibuka dengan rasminya pada 23 Januari 1980 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasim Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah Darul Aman. Bahan-bahan Arkeologi yang dipamerkan di Muzium ini merupakan artifak-artifak arkeologi yang ditemui melalui kerja-kerja penyelidikan di ekskavasi arkeologi ditapak arkeologi lembah bujang dengan keluasan 400 km persegi. Artifak Arkeologi yang dipamerkan dalam Muzium Lembah Bujang Merbok, Kedah

merupakan bahan-bahan yang membuktikan bahawa Lembah Bujang merupakan pelabuhan antarabangsa dan pusat perdangangan yang telah dikunjungi oleh pedagang-pedagang yang menguasai jalan perdagangan laut.

Artifak-artifak yang dipamerkan terdiri daripada bahan-bahan jumpaan semasa aktiviti cari gali candi-candi yang dijalankan. Muzium ini tertubuh kerana kehendak tempatan itu sendiri yang mana ianya menumpukan kepada bidang pemuliharaan candi-candi. Koleksi artifak yang terdapat di Muzium ini terdiri daripada bahan-bahan dagangan yang dibawa oleh pedagang-pedagang Arab, China, India serta pedagang-pedagang maritime tempatan di Kepulauan Melayu seperti seramik, manik-manik kaca dan rempah ratus.

1.2.1 Pentadbiran Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Muzium Arkeologi Lembah Bujang ialah institusi yang memberi khidmat kepada masyarakat dan dibuka kepada umum, bertujuan untuk memperoleh koleksi artifak, menyelidik, memulihara, menghubung dan mempamerkan bahan koleksi sejarah untuk tujuan kajian dan pendidikan.

Misi

- 1)** Menarik, menyedarkan dan memberikan kefahaman yang sebenar kepada masyarakat umum terutama masyarakat tempatan tentang sejarah Negara mereka sendiri.
- 2)** Mengajak serta mendidik lebih ramai lagi generasi muda supaya menikmati dan mencintai sejarah Negara mereka sendiri.
- 3)** Mengumpul seberapa banyak bahan-bahan artifak sejarah untuk diabadikan sebagai khazanah penting Negara.

Visi

Untuk menjadikan muzium ini sebuah Muzium yang terbaik di rantau Asia Tenggara.

1.2.2 Fungsi Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Melaksanakan aktiviti pameran tetap dan sementara berkaitan penemuan Batu Artifak Lembah Bujang iaitu usaha mencari gali bahan Artifak jumpaan di Tapak Lembah Bujang dan membuat peragaan Batu Artifak terhadap bahan jumpaan tersebut di dalam muzium. Terdapat tiga bahagian utama dalam Muzium Arkeologi Lembah Bujang iaitu bahagian pengurusan muzium, pameran, dan kuratorial. Dalam setiap bahagian ini telah diwujudkan beberapa unit tertentu untuk memudahkan kerja kerja pentadbiran muzium.

1.2.3 Sejarah Pengkajian Arkeologi di Lembah Bujang

Pengkaji mendapati kesan-kesan peninggalan arkeologi di Lembah Bujang telah pertama kali disiasat oleh Kolonel James Low di dalam tahun 1864, tetapi sejauh mana penyelidikan dijalankan adalah sukar ditentukan kerana tidak terdapat sebarang laporan yang lengkap. Di awal kurun kedua puluh, dua orang ahli ukur yang bertugas di puncak Gunung Jerai telah menjumpai tinggalan tapak Hindu di situ. Seterusnya kajian di Lembah Bujang telah dibuat oleh Evans di antara tahun-tahun 1920an dan 1930an. Di dalam tahun 1923, sekali lagi beliau melawat Sungai Batu dan menjumpai Patung Ganesha dan banyak lagi bahan-bahan arkeologi telah ditemui di tahun-tahun selepasnya (Evans 1927).

Kedua-dua di atas telah membuka lembaran baru di dalam pengkajian sejarah awal Negeri Kedah. Low dan Evans bahawa artifak dan monumen-monumen yang dijumpai di Kedah itu mempunyai unsur-unsur India, dan orang-orang Hindu dan Buddha datang ke rantau ini dalam bentuk penjajah. Di antara tahun-tahun 1937-1938, H.G. Quaritch-Wales

bersama isterinya telah membuat satu penyelidikan yang menyeluruh dan meluas di Lembah Bujang, dan hasil dari penyiasatan tersebut sebanyak 30 tapak-tapak berupa candi telah ditemui, dua puluh sembilan darinya terletak di sekitar Lembah Bujang dan yang selebihnya di Seberang Perai (Quaritch-Wales 1940).

Di dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa penyelidikan yang dijalankan oleh Quaricth-Wales adalah dibuat secara sistematik. Walaubagaimanapun penyelidikan yang lebih berkesan dan lebih sistematik telah dimulakan oleh Lamb, beliau dengan kerjasama beberapa orang pakar dari luar telah berjaya menggali cari dan membina semula tapak Candi Bukit Batu Pahat di antara tahun-tahun 1959-1960 (Lamb 1960). Lamb selanjutnya telah membuka jalan baru dengan membuat ekskavasi di Pengkalan Lembah Bujang yang telah menghasilkan timbunan serpihan seramik di dasar sungai tersebut (Lamb 1961).

Pada awal tahun 1970-an, bermulalah era baru penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang oleh ahli ahli arkeologi tempatan. Jabatan Muzium, Kuala Lumpur berjaya melahirkan ramai penyelidik tempatan yang telah melaksanakan penyelidikan secara berterusan di Lembah Bujang. Di antaranya ialah Al-Rashid Ibrahim, Adi Haji Taha, Kamaruddin Zakaria dan Mohd Supian Sabtu. Di samping itu juga ia melibatkan ahli arkeologi dari institusi pengajian tinggi iaitu Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Leong Sau Heng dari Universiti Malaya.

1.3 Pemasalahan Kajian

The problem statement describes the context for the study and it identifies the general analysis approach “Wiersma 1995, 404” .

Sepanjang tinjauan saya semasa membuat kajian lapangan, Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok, Kedah merupakan tempat yang berupaya menjadi sebahagian

komponen penyampai maklumat kepada masyarakat Malaysia dan rakyat di Negeri Kedah amnya. Namun, masalah yang di hadapi ialah lokasi Muzium yang berada jauh dari jalan utama menyebabkan memberi imej yang kurang memuaskan kepada pengunjung muzium. Ini disebabkan muzium berada berdekatan hutan iaitu di kaki Gunung Jerai Kedah.

Selain itu, penggunaan teknologi yang terkini kurang di aplikasikan di dalam muzium serta tiada pembaharuan di dalam ruang pameran di dalam muzium. Sejajar dengan itu juga, keselamatan pengunjung juga tidak terjamin kerana kedudukan ruang pameran koleksi arkeologi di luar muzium seperti keadaan pameran tetap di luar muzium seperti keadaan candi yang berada di atas bukit membahayakan pengunjung.

Hal ini di sebabkan pengunjung terpaksa menaiki anak tangga yang agak curam untuk melihat koleksi arkeologi yang di pamerkan secara tetap di atas bukit. Oleh itu ianya sudah tentu memberikan perspektif negatif terhadap persekitaran muzium kerana keadaan muzium dan pameran di luar muzium yang membahayakan keselamatan pengunjung. Sehubungan itu, usaha-usaha yang dilakukan oleh pemerintah dengan kerjasama Jabatan Muzium Negara dengan menghimpunkan koleksi arkeologi di dalam Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok ,Kedah menjadi perkara untuk di selidiki oleh pengkaji-pengkaji amatlah menjadi tumpuan. Pemasalahan ini boleh diatasi dengan cara memberikan reaksi yang positif terhadap Muzium Arkeologi mengenai perkara penting yang perlu khalayak umum ketahui.

1.4 Hipotesis Kajian

Tanpa adanya Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok, Kedah akan menyebabkan koleksi arkeologi yang di pamerkan tidak di kenali serta koleksi arkeologi di dalam muzium tidak dapat dijadikan rujukan dan medium pemerhatian kepada generasi kini dan akan datang.

1.5 Objektif Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2006) tujuan atau objektif kajian ialah menyatakan hasrat utama pengkaji melakukan kajian dan merupakan aspek terpenting dalam sesuatu kajian.

- 1) Mengenalpasti fungsi unit pengurusan koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang.
- 2) Mendokumentasikan koleksi yang terdapat di dalam Muzium Arkeologi Lembah Bujang.
- 3) Mengetahui keberkesanan pengurusan koleksi yang dilakukan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang.

1.6 Soalan Kajian

Soalan-soalan ini juga sangat penting untuk dijelaskan kepada informan supaya mereka lebih mengetahui.

- 1) Apakah fungsi unit pengurusan koleksi Muzium Arkeologi Lembah Bujang ?
- 2) Apakah koleksi yang terdapat di Muzium Arkeologi Lembah Bujang?
- 3) Adakah pengurusan koleksi di Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang di lakukan berkesan?

1.7 Kepentingan Kajian

1.7.1 Kepentingan Kepada Masyarakat

Kajian ini sangat penting kerana dapat memberikan gambaran sebenar apa yang dimaksudkan dengan Muzium Arkeologi Lembah Bujang di Merbok Kedah. Kepentingan kajian ini amat bermakna kerana pengkajian dan penulisan ini akan dapat memberi